

SOALAN NO: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR

TARIKH: 21 MAC 2016

SOALAN:

**Dato' Abd Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerja separa mahir dalam negara ketika ini mengikut sektor dana apakah perancangan Kementerian dalam menghasilkan lebih ramai pekerja mahir dalam menuju Wawasan 2020.

PR-1341-L72707

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mempersijilkan pelatih/ pelajar berkeelayakan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2, dan 3, Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5). Jabatan tidak mempunyai maklumat/data berkaitan dengan pekerja mahir/separa mahir. Walaubagaimanapun, sehingga 31 Januari 2016, JPK telah mengeluarkan sejumlah 1,488,225 sijil yang terdiri daripada 621,170 sijil Tahap 1; 586,109 sijil Tahap 2; 241,972 sijil Tahap 3; 36,133 sijil Tahap 4; dan 2,841 sijil Tahap 5 kepada pelatih/ pelajar yang berkeelayakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. KSM sedang giat berusaha memperkasakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Pelbagai promosi terus dilaksanakan antaranya mengadakan kempen dan *roadshows* di seluruh negara bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang peluang-peluang latihan dalam bidang kemahiran. Sasaran utama adalah kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang boleh dilatih bagi menambah bilangan pekerja mahir sedia ada.

3. Peluang-peluang memasuki latihan kemahiran sentiasa terbuka kepada lepasan sekolah atau individu yang berminat untuk menceburi bidang kemahiran. Sehingga Januari 2016, sejumlah 1,457 pusat bertauliah telah ditauliahkan oleh JPK dan menawarkan 6,130 program latihan kemahiran di seluruh Malaysia.

4. Di bawah RMKe-11, KSM melalui JPK merancang untuk terus mengarusperdanakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk menyokong keperluan kawasan pembangunan ekonomi dan memenuhi permintaan industri. Melalui program ini, peserta akan didedahkan kepada proses kerja sebenar dan teknologi semasa di syarikat dan berpeluang diserap sebagai pekerja. SLDN adalah program latihan dimana 70% tempoh latihan adalah secara praktikal di syarikat dan 30% latihan secara teori di pusat bertauliah.